

Bandar Seri Putra, 43000, Bangi, Selangor (Darul Ehsan), Malaysia  
603-8911 7167 +603-8925 4402  
info@uis.edu.my  
https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad



# Skeptisisme Orientalis terhadap Hadis: Analisis Kritis Pemikiran Goldziher dan Schacht


## *Orientalist Scepticism Towards Hadith: A Critical Analysis of the Thoughts of Goldziher and Schacht*

Nik Mohd Zaim Ab Rahim  , Monika @ Munirah Abd Razzak  , & Jannatul Husna Ali Nuar 

To cite this article:

Ab. Rahim, N. M. Z., Abd Razzak, M. M. & Ali Nuar, J. N. (2025). Skeptisisme Orientalis terhadap hadis: Analisis kritis terhadap pemikiran Goldziher dan Schacht. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 10(2), 1576-1591. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v10i2.548>

To link this article:

 <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v10i2.548>

Full Terms & Conditions of access and use can be found at:



<https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad/open>



Published online: 16 December 2025



Submit your article to this journal:

<https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad/about/submissions>



View related articles:

<https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad/issue/archive>




### Disclaimer

The views expressed in this article are those of the author. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* shall not be liable for any loss, damage or other liability caused by / arising from the use of the contents of this article.

This is an open access article under the CC BY-NC license.










Bandar Seri Putra, 43000, Bangi, Selangor (Darul Ehsan), Malaysia  
603-8911 7167 +603-8925 4402  
info@uis.edu.my  
https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad

Vol. 10, No. 2, (December, 2025)

# Skeptisme Orientalis terhadap Hadis: Analisis Kritis Pemikiran Goldziher dan Schacht

## *[Orientalist Scepticism Towards Hadith: A Critical Analysis of the Thoughts of Goldziher and Schacht]*


Nik Mohd Zaim Ab Rahim  <sup>\*</sup>, Monika @ Munirah Abd Razzak  <sup>2</sup>  
& Jannatul Husna Ali Nuar <sup>3</sup>

<sup>1</sup>Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia, Jalan Sultan Yahya Petra, 54100 Kuala Lumpur, MALAYSIA.

<sup>2</sup>Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA.

<sup>3</sup>Faculty of Islamic Studies, Universitas Ahmad Dahlan, 55191 Yogyakarta, INDONESIA.

\* Corresponding Author: Dr. Nik Mohd Zaim bin Ab Rahim. Academy of Islamic Civilisation, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur, MALAYSIA.  nmzaim.kl@utm.my.

 +60 13-359 3690.

### Keywords:

Hadith, Orientalist, Scepticism, Authenticity, Epistemology

### ABSTRACT

This study critically analysed the thoughts of two prominent Orientalist, Ignaz Goldziher and Joseph Schacht, who introduced a sceptical approach to the authenticity and authority of the hadith of Prophet Muhammad (PBUH). Goldziher questioned the originality of *isnād*, viewing hadith as a reflection of the sociopolitical developments within the Muslim community. Meanwhile, Schacht rejected the reliability of early *isnād*, arguing that most hadiths were fabricated to support the later authority of Islamic jurisprudence (*fiqh*). This study employed document analysis and methodological comparison to evaluate the epistemological foundations, methodologies, and the strengths and weaknesses of their arguments. This study further explored the critical responses of modern Muslim scholars, including M. M. Azami, who uphold the authenticity of hadith through rigorous academic and historical methods. The findings indicated that while the Orientalist approach has introduced new perspectives in Western hadith studies, it often disregards the established internal disciplines of hadith sciences within the Islam. This study emphasized the need for a balanced, contextual, and interdisciplinary approach for evaluating hadith sources.

**Contribution:** This study is highly relevant to the focus and scope of the journal, which centers on the study of religion, epistemology, and research methodology, as it integrates historical analysis, source criticism methodology, and contemporary perspectives in hadith studies. This study also contributes significantly to scholarly debates on hadith and encourages researchers to re-examine hadith studies through a holistic and critical approach.

**Kata Kunci:**

Hadis, Orientalis, Skeptisisme, Keaslian, Epistemologi

**ABSTRAK**

Kajian ini menganalisis secara kritis pemikiran dua orang tokoh orientalis terkemuka, Ignaz Goldziher dan Joseph Schacht, yang telah memberikan sumbangan besar dalam memperkenalkan pendekatan skeptikal terhadap kesahihan dan autoriti hadis Nabi Muhammad SAW. Goldziher mempersoalkan keaslian sanad dan melihat hadis sebagai refleksi perkembangan sosiopolitik umat Islam, manakala Schacht menolak kebolehpercayaan sanad awal serta menegaskan bahawa majoriti hadis dicipta untuk menyokong autoriti fiqh pada era kemudian. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis dokumen dan perbandingan metodologi untuk menilai asas epistemologi, kerangka analisis, serta kekuatan dan kelemahan hujah kedua-dua tokoh ini. Turut diperincikan adalah respons kritis sarjana Muslim moden seperti M. M. Azami yang mempertahankan ketulenan tradisi hadis melalui pendekatan ilmiah dan penyelidikan sejarah yang sistematik. Hasil kajian menunjukkan bahawa meskipun pendekatan orientalis membuka ruang baharu dalam pengajian hadis di Barat, ia sering mengabaikan disiplin dalaman ilmu hadis yang telah mantap dalam tradisi Islam. Kajian ini seterusnya menyarankan pendekatan interdisiplin yang lebih adil dan kontekstual dalam menilai sumber hadis. Kajian ini berhujah bahawa walaupun kritikan orientalis memperkenalkan wacana metodologi dalam kajian hadis moden, kedua-duanya tetap gagal memasukkan disiplin dalaman ilmu hadis seperti verifikasi sanad, transmisi bertingkat dan metodologi mujtama' al-riwayah. Artikel ini menawarkan kerangka perbandingan epistemologi antara metodologi orientalis dan tradisi ulum al-hadith, serta menonjolkan respons sarjana Muslim dan Barat kontemporari sebagai asas pendekatan interdisiplin yang lebih seimbang.

**Sumbangan:** Artikel ini sangat relevan dengan fokus dan skop jurnal yang menumpukan pada kajian agama, epistemologi, dan metodologi ilmu kerana ia menggabungkan analisis sejarah, metodologi kritik sumber, serta perspektif kontemporari dalam pengajian hadis. Ia bukan sahaja menambah nilai akademik terhadap perdebatan ilmiah mengenai hadis, tetapi juga mengajak para sarjana untuk menilai semula pendekatan kajian hadis secara holistik dan kritis.

**ARTICLE HISTORY**

Received: September 08, 2025  
 Revised: November 02, 2025  
 Accepted: December 03, 2025  
 Available Online: December 16, 2025  
 Published: December 19, 2025

This is an open access article under the [CC BY-NC](https://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/) license.



**To cite this article:**

Ab. Rahim, N. M. Z., Abd Razzak, M. M. & Ali Nuar, J. N. (2025). Skeptisisme Orientalis terhadap hadis: Analisis kritis terhadap pemikiran Goldziher dan Schacht. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 10(2), 1576-1591. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v10i2.548>

**I. PENDAHULUAN**

Kajian orientalis terhadap hadis Nabi Muhammad SAW telah menjadi salah satu wacana akademik paling kontroversi dalam sejarah pengajian Islam moden. Bermula pada abad ke-19, sarjana Barat mula menilai semula keaslian hadis dengan menggunakan pendekatan kritis yang dipengaruhi oleh metode sejarah, filologi, dan skeptisisme tekstual. Antara tokoh paling berpengaruh dalam tradisi ini ialah Ignaz Goldziher (1850–1921) dan Joseph Schacht (1902–1969), yang sering dianggap sebagai pengasas utama aliran skeptisisme terhadap

hadis. Kedua-dua mereka menganggap bahawa sebahagian besar hadis bukanlah rekod autentik daripada Nabi SAW, sebaliknya merupakan cerminan perkembangan sosial, politik, dan hukum umat Islam pada abad-abad awal selepas kewafatan Baginda SAW (Goldziher, 1971; Schacht, 1950).

Skeptisme orientalis muncul dalam konteks perkembangan intelektual Eropah moden yang dipengaruhi oleh semangat *historical criticism* serta kecenderungan memisahkan antara teks agama dan sumber ketuhanan. Goldziher (1971) melalui karyanya *Muhammedanische Studien* yang asalnya ditulis dalam bahasa Jerman dan kemudiannya diterjemahkan dalam pelbagai bahasa termasuk bahasa Inggeris dengan judul *Muslim Studies*, menegaskan bahawa majoriti hadis merupakan “cerminan” konflik politik dan teologi pasca-generasi sahabat. Pandangan ini kemudian diperkukuh oleh Schacht (1950) melalui bukunya *The Origins of Muhammadan Jurisprudence*, yang mendakwa hadis-hadis hukum hanyalah “projeksi ke belakang” daripada konsensus ulama abad kedua Hijrah ke zaman Nabi. Kedua-dua tokoh ini memberikan kesan mendalam terhadap sarjana Barat, sehingga lahir satu paradigma yang menilai hadis dengan penuh keraguan.

Walau bagaimanapun, pemikiran mereka telah menimbulkan reaksi balas yang kuat daripada sarjana Muslim dan juga segelintir akademik Barat moden. Al-Khaṭīb (1988) dalam *al-Sunnah Qabl al-Tadwīn*, al-Sibā'ī (1976) dalam *Al-Sunnah wa Makānatuha fi al-Tashrīḥ al-Islāmī* serta al-A'zami (1978) melalui *Studies in Early Hadith Literature* telah mengkritik pendekatan orientalis ini sebagai bersifat reduksionis, tidak memahami dinamika transmisi sanad, dan mengabaikan metodologi ilmuan Islam dalam mengkritik hadis. Kritikan ini turut dilakukan oleh Abbott (1967) dan Brown (2009), yang menunjukkan bahawa hadis tidak boleh ditolak hanya kerana ia berdasarkan teori *silent evidence* atau prasangka sejarah semata-mata (Wathani, 2020).

Kajian ini bertujuan meneliti semula skeptisme orientalis terhadap hadis dengan memberi fokus khusus kepada pemikiran Goldziher dan Schacht. Analisis kritis terhadap pandangan mereka bukan sahaja penting untuk menilai metodologi Barat, tetapi juga untuk memperkukuh keyakinan ummah terhadap tradisi ilmiah Islam yang telah membangunkan ilmu hadis dengan sistem penilaian yang begitu teliti. Dalam konteks akademik semasa, kajian ini berperanan menjelaskan pertembungan epistemologi antara tradisi Islam dan pihak orientalisme, serta membuka ruang dialog yang lebih seimbang dalam memahami hadis sebagai sumber utama agama.

Isu Goldziher-Schacht masih relevan pada masa kini kerana pemikiran mereka terus mempengaruhi kajian Islam di Barat, khususnya dalam perbincangan tentang keaslian hadis (Schoeler, Vagelpohl, & Montgomery, 2006). Kajian semula sangat diperlukan bagi menjawab cabaran hermeneutik moden, memanfaatkan teknologi semasa seperti kecerdasan buatan (AI), serta mengukuhkan respons ilmiah daripada sarjana Muslim kontemporari. Tambahan pula, ia penting bagi memperbetulkan persepsi awam yang mudah terpengaruh dengan pandangan orientalis yang bersifat skeptikal terhadap hadis. Namun begitu, kebanyakan kajian dalam kalangan sarjana Muslim masih bersifat apologetik dalam membalas kritikan Goldziher dan Schacht, tanpa menilai secara sistematik asas epistemologi mereka, termasuk pendekatan metodologi, sumber rujukan, dan proses inferens yang digunakan (Brown, 2009). Sementara itu, beberapa kajian moden dalam kalangan sarjana Barat sendiri telah mengkritik dan mencabar semula tesis Schacht, tetapi karya-karya ini masih kurang diberi perhatian oleh sarjana Muslim tempatan. Jurang ini menunjukkan perlunya satu analisis kritikal yang mampu merapatkan kedua-dua tradisi keilmuan, Islam dan Barat secara adil, seimbang, dan ilmiah.

Kajian ini menggunakan istilah “skeptisme orientalis” merujuk kepada pendekatan kritikal terhadap keaslian hadis yang dikembangkan oleh tokoh-tokoh utama seperti Ignaz Goldziher dan Joseph Schacht. Walau bagaimanapun, perlu ditegaskan sejak awal bahawa pendekatan orientalis terhadap hadis bukanlah suatu aliran pemikiran tunggal atau homogen. Terdapat pelbagai jalur pemikiran yang lebih nuansa, bahkan bersifat konstruktif terhadap tradisi hadis (Hallaq, 2005). Jurang kajian ini terletak pada kecenderungan tulisan sarjana Muslim yang lebih bersifat apologetik dalam menanggapi kritikan Goldziher dan Schacht, namun kurang memberikan analisis yang sistematik terhadap asas epistemologi mereka, termasuk dari segi kaedah, sumber, dan proses inferens. Sementara itu, sejumlah kajian Barat moden khususnya Motzki (1991), Hallaq (2005) dan analisis kontemporari oleh Brown (2009) telah mengemukakan kritikan terhadap pandangan Schacht, namun karya-karya tersebut masih kurang mendapat perhatian dalam kalangan sarjana Muslim tempatan.

## 2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif berbentuk analisis dokumen yang menumpukan kepada penilaian kritis terhadap dua teks utama orientalis, iaitu *Muslim Studies* oleh Ignaz Goldziher dan *The Origins of Muhammadan Jurisprudence* oleh Joseph Schacht. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik meneliti kandungan teks secara mendalam, mengekstrak tema-tema epistemologi dan metodologi, serta menilai konsistensi hujah yang dikemukakan oleh kedua-dua tokoh tersebut (Tahir et al., 2023).

Kajian ini menggunakan analisis kandungan untuk meneliti idea, andaian epistemologi dan hujah metodologi yang dibangunkan oleh Goldziher dan Schacht. Analisis kandungan sesuai digunakan dalam bidang pengajian hadis kerana ia memberi ruang untuk memahami interaksi antara teks, konteks sejarah, dan kerangka epistemologi yang membentuk sesuatu pemikiran (Krippendorff, 2013). Melalui pendekatan ini, penyelidik menilai sejauh mana hujah skeptikal orientalis selari atau bercanggah dengan bukti sejarah transmisional dalam tradisi hadis awal.

Sumber primer kajian ini terdiri daripada dua karya utama orientalis tersebut, manakala sumber sekunder merangkumi karya sarjana Muslim dan Barat kontemporari seperti al-A'zami (1978), Abbott (1967), Motzki (1991) dan lain-lain. Sumber-sumber ini dipilih bagi memastikan analisis yang seimbang, iaitu dengan membandingkan wacana orientalis dan respons ilmiah tradisi Islam, serta menilai kekuatan dan kelemahan hujah dari kedua-dua sisi perbahasan (Tahir et al., 2023).

Dari segi had kajian, analisis ini hanya tertumpu kepada aspek epistemologi dan metodologi Goldziher dan Schacht tanpa membincangkan secara terperinci keseluruhan sejarah perkembangan orientalisme atau semua tokoh orientalis yang lain. Selain itu, kajian ini tidak menjalankan kajian empirikal atau analisis manuskrip hadis secara teknikal, tetapi memfokuskan kepada analisis teks dan kerangka pemikiran. Kajian ini juga tidak menilai setiap respons sarjana Muslim secara menyeluruh, sebaliknya hanya memilih tokoh dan karya yang paling relevan dengan perbahasan mengenai keaslian sanad, metodologi kesahihan, dan sejarah perkembangan ilmu hadis.

### 3. SKEPTISISME GOLDZIHHER TERHADAP HADIS

#### 3.1 Latar Belakang Intelektual Goldziher

Ignaz Goldziher (1850–1921), seorang sarjana orientalis terkemuka dari Budapest, Hungary, dibentuk oleh tradisi filologi Jerman abad ke-19 yang menekankan ketelitian teks dan analisis linguistik. Sejak kecil, beliau didedahkan kepada kitab Perjanjian Lama, Talmud, dan karya klasik, manakala pendidikan formal di Universiti Budapest membolehkannya mendalami falsafah, kesusasteraan klasik, serta bahasa Timur seperti Arab, Parsi, dan Turki di bawah bimbingan Arminius Vambéry (Goldziher, 1981). Pendidikan awal ini membina asas intelektual Goldziher untuk mengaplikasikan pendekatan kritis terhadap teks, di mana kaedah filologi dan sejarah menjadi instrumen utama dalam penilaiannya.

Satu ciri utama pemikiran Goldziher ialah skeptisisme yang dipinjam daripada *Bible-criticism*, yang menekankan pendekatan historis dan analisis kritis terhadap naratif agama. Pendekatan ini membolehkannya melihat hadis bukan sekadar sebagai teks literal, tetapi sebagai produk sejarah dan sosial umat Islam. Kaedah ini mempengaruhi cara beliau menilai sanad dan matan, menganalisis perawi, kepelbagaian riwayat, dan kemungkinan interpolasi, sehingga membuka perspektif baharu dalam memahami hadis secara ilmiah (Lewis, 1981; Goldziher, 1981).

#### 3.2 Pemikiran Skeptisme Goldziher

Secara umum, pemikiran Goldziher mengenai sunnah dan hadis dapat dirumuskan kepada tiga tema utama, iaitu: asal-usul hadis, proses perkembangan serta pemalsuan hadis, dan kewujudan literatur hadis. Ketiga-tiga tema ini membawa kepada kesimpulan bahawa beliau meragui keaslian hadis dan menolak kedudukannya sebagai sumber ilmu dan perundangan Islam yang sah (Isnaeni, 2012).

Goldziher dianggap sebagai tokoh perintis dalam aliran skeptisisme orientalis terhadap hadis. Dalam karya monumentalnya, *Muslim Studies*, beliau berhujah bahawa hadis tidak boleh dilihat sebagai catatan sejarah tentang Nabi Muhammad SAW, sebaliknya sebagai refleksi konflik politik, sosial, dan teologi yang berlaku pada abad pertama dan kedua Hijrah (Goldziher, 1971). Pada pandangan beliau, hadis adalah medium legitimasi golongan tertentu bagi menyokong kepentingan mazhab atau kelompok politik yang dominan. Dengan kata lain, hadis menurut Goldziher hanyalah “projeksi ke belakang” daripada situasi semasa ke zaman Nabi. Ironisnya, pendekatan ini meletakkan tradisi hadis bukan sebagai sumber normatif, tetapi sebagai produk manipulasi sejarah (Hadi, Dedy & Iwan, 2025). Sebagai contoh hadis yang dianggap palsu oleh Goldziher:

حَدَّثَنَا حَفْصُ بْنُ عُمَرَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ قَالَ أَخْبَرَنِي عَبْدُ الْمَلِكِ بْنُ عُمَرَ عَنْ فَرْعَةَ قَالَ سَمِعْتُ أَبَا سَعِيدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَرْبَعًا قَالَ سَمِعْتُ  
مِنَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَكَانَ عَزَا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثِنْتَيْ عَشْرَةَ عَزْوَةً ح حَدَّثَنَا عَلِيُّ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ عَنْ الزُّهْرِيِّ عَنْ

سَعِيدٌ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا تُشَدُّ الرِّحَالُ إِلَّا إِلَى ثَلَاثَةِ مَسَاجِدَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَمَسْجِدِ الرَّسُولِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَمَسْجِدِ الْأَقْصَى

[Al-Bukhārī, *Kitāb Faḍl al-Ṣalāh fī Masjid Makkah wa al-Madīnah*, *Bāb Faḍl al-Ṣalāh fī Masjid Makkah wa al-Madīnah*, No. Hadis 1132]

Maksudnya:

“Telah menceritakan kepada kami Ḥafṣ ibn ‘Umar, telah menceritakan kepada kami Shu‘bah yang berkata: “Telah dikhabarkan kepadaku ‘Abd al-Mālik ibn ‘Umayr daripada Qaza‘ah yang berkata: “Aku telah mendengar Abū Sa‘īd RA empat kali yang berkata: “Aku telah mendengar daripada Nabi SAW, yang (beliau) pernah mengikuti peperangan bersama Nabi SAW sebanyak dua belas peperangan.” Telah menceritakan kepada kami Sufyān daripada al-Zuhrī, daripada Sa‘īd, daripada Abū Hurayrah RA, daripada Nabi SAW bersabda: “Janganlah kamu bersusah payah mengembara (atau bermusafir bagi tujuan ibadah) melainkan pada tiga buah masjid, iaitu Masjidilharam, masjid Rasulullah SAW dan Masjid al-Aqsa.”

Selain *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, hadis di atas boleh didapati dalam kitab-kitab hadis lain seperti *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan Abū Dawūd*, *Sunan an-Nasā‘ī* dan sebagainya. Hampir keseluruhan jalur periwayatan bagi hadis ini berasal daripada Ibn Shihāb al-Zuhrī. Menurut Goldziher (1971), kemunculan hadis berkenaan melalui jalur al-Zuhrī dipengaruhi oleh faktor sosio-politik yang dominan pada zaman tersebut. Al-Zuhrī didakwa telah dipaksa oleh Khalifah ‘Abd al-Malik ibn Marwān dari Dinasti Umayyah di Damsyik untuk mencipta hadis yang disandarkan sanadnya kepada Rasulullah SAW. Menurut Goldziher, ia bertujuan menghalang pengaruh ‘Abdullah ibn al-Zubayr yang ketika itu mengisytiharkan dirinya sebagai khalifah di Mekah. ‘Abd al-Malik yang dikatakan bimbang sekiranya para jemaah haji dari wilayah Syam (Syria dan sekitarnya) yang menunaikan ibadah di Mekah akan berbaik kepada Ibn al-Zubayr. Justeru, Goldziher berusaha mengalihkan tumpuan mereka daripada Mekah dengan menjadikan Qubba al-Ṣakrah di kawasan Masjid al-Aqsa sebagai alternatif lokasi ibadah, memandangkan kawasan tersebut terletak dalam wilayah kekuasaannya di Syam (A‘zami, 1990). Goldziher mendakwa bahawa al-Zuhrī adalah sahabat karib ‘Abd al-Malik dan sering meriwayatkan hadis-hadis berkaitan keutamaan Baitulmaqdis melalui jalur periwayatannya (Al-Zankī, 2006; Shah, 2011).

Contoh ini jelas membuktikan bahawa Goldziher menafikan kesahihan hadis tersebut dengan bersandarkan kepada fakta yang tidak benar dan memahami hadis dalam konteks atau peristiwa yang tidak tepat dan mengelirukan (al-A‘zami, 1978). Hadis mengenai saranan bermusafir ketiga-tiga masjid ini walaupun dalam keadaan susah payah diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī dalam *Ṣaḥīḥ*nya dan tidak ada kaitan dan hubungan dengan permusuhan antara ‘Abd al-Malik ibn Marwān dan ‘Abdullah ibn al-Zubayr (al-A‘zami, 1978).

Berdasarkan analisis terhadap pandangan Goldziher, dapat disimpulkan bahawa beliau menganggap hadis tersebut merupakan rekaan seorang ulama, iaitu Ibn Shihāb al-Zuhrī, meskipun ia termuat dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Menurut Mustofa Ali Ya‘qub, pendirian Goldziher ini secara tidak langsung memperlihatkan niat untuk meruntuhkan kepercayaan umat Islam terhadap kredibiliti Imam al-Bukhārī, seorang tokoh hadis yang diakui kewibawaannya oleh majoriti umat Islam. Jika pandangan ini diterima, ia berpotensi membawa implikasi serius, iaitu penolakan terhadap keseluruhan kandungan *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Ya‘qub, 1995). Lebih jauh lagi, Ya‘qub (1995) berpendapat bahawa selepas al-Bukhārī, tokoh-tokoh besar hadis lain juga akan menjadi sasaran kritikan serupa, sehingga akhirnya kedudukan hadis sebagai salah satu sumber utama ajaran Islam akan terhakis dan lenyap daripada wacana keagamaan umat Islam.

Dalam pada itu, Goldziher mengkritik sistem sanad yang menjadi asas keaslian hadis. Menurutnya, perkembangan sanad hanyalah usaha untuk memberikan legitimasi kepada teks yang telah sedia beredar dalam masyarakat Islam. Beliau menekankan bahawa semakin panjang dan rumit sesuatu sanad, semakin besar kemungkinan ia merupakan rekaan kemudian, sementelahan beliau tidak memahami kaedah kritis yang dibangunkan ulama hadis seperti *al-jarḥ wa al-ta‘dīl* (kritikan dan penilaian perawi) atau konsep *mutawātir* (riwayat yang tersebar secara meluas) (Misbahuddin, 2025). Pandangan ini jelas menunjukkan kecenderungan Goldziher untuk menilai hadis dengan kacamata metodologi sejarah Eropah, tanpa mempertimbangkan disiplin kritis yang telah lama berkembang dalam tradisi Islam (Motzki, 1991; Shaffat & Baru, 2019). Namun, hujah Goldziher tidak terlepas daripada kelemahan yang mendasar. Beliau sering membuat generalisasi terhadap hadis tanpa mengemukakan bukti empirikal yang menyeluruh (Goldziher, 1971). Contohnya, andaian bahawa kebanyakan hadis hukum adalah rekaan pasca-generasi sahabat tidak disertakan dengan kajian sistematik terhadap keseluruhan korpus hadis (Nuraqila, Nuryanah & Supenti, 2025). Dalam pada itu, beliau turut

mengabaikan peranan tokoh tabiin dan ulama hadis awal yang telah mengembangkan metodologi kritis untuk menapis riwayat yang sahih daripada yang palsu (Glodziher, 1971). Justeru, kritikan sarjana Muslim seperti al-Sibā'i (1976) dan al-A'zami (1978) menegaskan bahawa Goldziher lebih bersifat prejudis daripada objektif (Al-Jundi, t.th.).

Meskipun pemikirannya dikritik keras, pengaruh Goldziher tetap berakar dalam kajian orientalis moden. Banyak sarjana Barat selepasnya, termasuk Schacht (1950), menjadikan teori Goldziher sebagai asas metodologinya. Hal ini memperlihatkan bahawa pemikiran Goldziher telah membentuk paradigma baru dalam kajian hadis di Barat, paradigma yang meletakkan keraguan sebagai titik tolak (Mauizah & Hidayat, 2024). Ketika sarjana Islam membangunkan disiplin hadis dengan ketelitian metodologinya, Goldziher memilih untuk mereduksikan hadis kepada sekadar cerminan realiti politik. Inilah yang menuntut penelitian kritis, agar bias orientalis dapat ditanggapi dengan hujah ilmiah yang berpijak pada tradisi Islam itu sendiri (Al-Sibā'i, 1976). Namun, terdapat sarjana seperti W. Montgomery Watt yang menegaskan bahawa Goldziher cuba untuk berlaku adil terhadap Islam, walaupun dia sendiri adalah seorang Yahudi yang hidup dalam suasana prejudis agama (Watt, 1979). Watt memuji aspek-aspek tertentu dalam peradaban Islam, seperti rasionalisme Muktazilah dan semangat toleransi ilmiah dalam tradisi kajian akademik. Ini menunjukkan bahawa Goldziher tidaklah sepenuhnya didorong oleh niat merendahkan Islam, tetapi beliau tetap bekerja dalam kerangka epistemologi Eropah yang meragukan autoriti agama secara umum.

## 4. SCHACHT DAN TEORI PROJEKSI HADIS

### 4.1 Latar Belakang Intelektual Schacht

Joseph Schacht (1902–1969) ialah seorang orientalis Jerman yang berpengaruh dalam kajian hukum Islam dan hadis. Lahir di Ratibor, Jerman (kini Racibórz, Poland) pada 15 Mac 1902. Beliau menerima pendidikan awal di Gymnasium Breslau sebelum melanjutkan pengajian tinggi di Universiti Breslau dan Berlin dalam bidang filologi oriental, termasuk bahasa Arab, Turki dan Parsi. Disertasinya yang membincangkan fiqh Hanafi membolehkan beliau memperoleh ijazah kedoktoran pada 1925. Schacht kemudian berkhidmat di beberapa universiti Eropah, antaranya Freiburg, Königsberg dan Leipzig, sebelum meninggalkan Jerman Nazi pada 1934 untuk mengajar di Universiti Kaherah (1934–1939) dan kemudian di Universiti Oxford (1946–1954). Dari 1954 hingga 1969, beliau menjawat jawatan Profesor Pengajian Islam dan Bahasa Arab di Universiti Columbia, New York, membina reputasi sebagai sarjana yang membentuk asas kajian kritis orientalis terhadap hadis dan hukum Islam (Adhwa et al., 2025).

Schacht dikenali melalui karya utamanya, *The Origins of Muhammadan Jurisprudence* (1950) dan *An Introduction to Islamic Law* (1964), di mana beliau memperkenalkan teori bahawa hadis-hadis hukum bukanlah bersumber daripada Nabi SAW, tetapi muncul kemudian untuk melegitimasi perkembangan fiqh. Pendekatan beliau, termasuk *argumentum e silentio* dan teori *backward growth of isnad* atau *backward projection* yang menyatakan semakin sempurna sanad, semakin lewat pembentukan hadis menjadi asas kepada kritik orientalis terhadap hadis. Namun, pandangan ini mengundang kritikan daripada sarjana Muslim. Muhammad Mustafa Azami menolak teori tersebut dengan bukti dokumentasi hadis sejak abad pertama Hijrah, al-Siba'i (1976) menekankan peranan tradisi lisan dalam menjaga autentisiti riwayat, manakala Wael B. Hallaq menilai metodologi Schacht sebagai reduksionis kerana mengabaikan konteks sejarah dan sosio-budaya umat Islam awal (Azami, 1978; Hallaq, 2005). Walaupun kontroversi berterusan, sumbangan intelektual Schacht telah membuka wacana penting, mencabar sarjana Muslim untuk memperkukuh metodologi kajian hadis dan fiqh secara kritis.

### 4.2 Pemikiran Teori Projeksi Hadis Schacht

Joseph Schacht merupakan tokoh orientalis yang paling berpengaruh dalam membentuk kerangka skeptikal terhadap hadis hukum. Melalui karya utamanya *The Origins of Muhammadan Jurisprudence*, Schacht (1950) berhujah bahawa hadis bukanlah sumber awal pembentukan hukum Islam, sebaliknya merupakan rekaan fuqaha abad kedua Hijrah. Menurutnya, hukum Islam berkembang terlebih dahulu, manakala hadis hanya diwujudkan kemudian untuk memberikan legitimasi kepada amalan yang telah mapan.

Asas utama pemikirannya ialah *argumentum e silentio*, iaitu hujah daripada ketiadaan. Schacht menyatakan bahawa jika sebuah riwayat tidak muncul dalam teks awal, maka ia dianggap belum wujud pada zaman tersebut (McGrew, 2014). Berdasarkan prinsip ini, beliau mendakwa majoriti hadis merupakan hasil "projeksi ke belakang" (*backward projection*), iaitu dinisbahkan secara retrospektif kepada tokoh awal, termasuk Rasulullah SAW, bagi mengabsahkan pandangan fiqh kemudian (Schacht, 1950; Idri, 2017). Hujah ini mengangkat

“kesunyian sejarah” sebagai bukti, sedangkan ia sendiri bersifat andaian dan rapuh (Fauzi, 2023a). *Argumentum e silentio* bermaksud hujah daripada diam atau kesimpulan yang dibuat berdasarkan ketiadaan bukti. Dalam konteks kajian hadis, Schacht (1950) menggunakan prinsip ini untuk membuat andaian berikut:

- i. Jika sesuatu hadis tidak disebut dalam sumber awal, maka ia dianggap tidak wujud pada zaman tersebut. Sebagai contoh, jika generasi tabi'in tidak menyebut satu hadis hukum tertentu, Schacht berpendapat bahawa hadis itu mesti muncul kemudian dan disisipkan oleh fuqaha untuk menyokong pandangan mazhab mereka.
- ii. Diam dianggap bukti penolakan. Baginya, jika tokoh awal tidak memetik sesuatu hadis, itu bukan sekadar diam, tetapi bukti bahawa hadis itu belum wujud atau tidak dianggap sahih ketika itu.
- iii. Kaedah ini berasal daripada logik Barat, bukan disiplin ulum al-hadith. Dalam tradisi Islam, ketiadaan riwayat bukan bukti ketiadaan (عدم الوجود لا يدل على عدم الوجود). Tetapi bagi Schacht, “kekosongan” dalam rekod sejarah boleh ditafsir sebagai bukti pemalsuan atau penciptaan kemudian.

Dalam pada itu, Schacht (1950) menegaskan bahawa keaslian hadis hanya diinstitusikan apabila mazhab-mazhab fiqh mula bersaing untuk menjustifikasi pandangan mereka. Beliau menyimpulkan bahawa Nabi Muhammad SAW hampir tidak memainkan peranan langsung dalam pembentukan hukum Islam, sementelahan autoriti Baginda hanya disisipkan kemudian bagi menguatkan hujah fiqh (Fauzi, 2023b). Dengan itu, hadis bukan lagi dilihat sebagai sumber autentik, tetapi sekadar retorik legitimasi yang disusun oleh fuqaha. Pandangan ini jelas menolak keseluruhan epistemologi Islam yang mendasarkan syariat pada wahyu dan sunnah (Hallaq, 2005; Azam, Azmi & Yusoff, 2025). Namun, pemikiran Schacht menerima kritikan luas. Pertama, penggunaan *argumentum e silentio* dipersoalkan kerana ketiadaan bukti bukanlah bukti ketiadaan. Sarjana moden seperti Motzki (1991) dan Abbott (1967) menunjukkan bahawa pendekatan Schacht terlalu simplistik, mengabaikan sifat kompleks tradisi lisan masyarakat awal Islam serta dokumentasi awal yang wujud sejak abad pertama Hijrah. Kedua, teori “projeksi ke belakang” gagal menjelaskan kewujudan hadis mutawatir serta riwayat yang tersebar serentak dalam pelbagai wilayah, sesuatu yang mustahil dicipta melalui konspirasi kolektif (Motzki, 1991).

Selain itu, pendekatan Schacht dikritik kerana menilai hadis melalui sumber fiqh seperti *al-Umm*, *al-Risālah* dan *al-Muwattaʿa*, tanpa meneliti koleksi hadis awal secara menyeluruh. Sebagai respons, al-Aʿzamī membuktikan melalui kajian manuskrip bahawa penulisan hadis sudah bermula pada abad pertama Hijrah. Beliau menonjolkan bukti riwayat Suhayl ibn Abī Ṣāliḥ (w. 138 H.), yang mempunyai 20–30 perawi dari pelbagai wilayah namun tetap meriwayatkan kandungan hadis yang sama, menolak dakwaan rekaan kolektif (Al-Aʿzamī, 1978).

Tradisi ilmu hadis sendiri telah lama memiliki mekanisme verifikasi seperti analisis *isnad-cum-matn*, penilaian thiqah perawi, serta pengkategorian hadis *ṣaḥīḥ*, *ḥasan* dan *ḍaʿīf*. Semua ini menjustifikasi bahawa disiplin hadis berkembang dengan sistematik, dan tidak selari dengan gambaran reduksionis orientalis (Abbott, 1967). Kajian kes Motzki terhadap riwayat *MuṣannaḥʿAbd al-Razzāq* menunjukkan bahawa jalur sanad pelbagai (Maʿmar, Yūnus, Ṣāliḥ) yang bertemu pada al-Zuhrī menolak dakwaan Schacht bahawa sanad direka secara retrospektif. Analisis matan pula memperlihatkan konsistensi makna meskipun wujud pelbagai lafaz yang tipikal bagi tradisi lisan awal, membuktikan kewujudan riwayat sebelum pembentukan mazhab fiqh. Melalui stratifikasi sanad dan perbandingan geografi, Motzki (1991) menetapkan bahawa riwayat ini sudah wujud sejak awal abad kedua Hijrah, sekaligus mematahkan teori “projeksi ke belakang”. Kajian ini menunjukkan kelemahan metodologi Schacht yang terlalu bergantung pada *argumentum e silentio* tanpa mempertimbangkan bukti empirik.

Walaupun teori Schacht dikritik dari pelbagai sudut, pengaruhnya tetap mengakar dalam kalangan orientalis moden. Karya-karya beliau menjadi rujukan utama dalam wacana akademik Barat, dan hingga kini metodologinya masih dijadikan kerangka asas oleh sebahagian sarjana Barat (Siregar, Siregar, & Hasan, 2025). Schacht menganggap hadis hukum sebagai rekaan ulama, bukti arkeologi manuskrip dan kajian sanad moden menunjukkan bahawa hadis telah dicatat dan disebarkan lebih awal daripada dakwaannya. Dengan demikian, teori Schacht bukan sahaja gagal menjawab keutuhan tradisi hadis, bahkan membuka ruang kepada sarjana Muslim untuk menegaskan kembali ketelitian sistem sanad dan kekuatan epistemologi Islam dalam mengekalkan keaslian hadis Nabi SAW (Abbot, 1967).

## 5. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pemikiran Ignaz Goldziher dan Joseph Schacht sering digabungkan sebagai asas skeptisme orientalis terhadap hadis, namun kedua-duanya mempunyai perbezaan metodologi, sumber analisis, dan objektif kritikan yang wajar

diperincikan. Kedua-duanya mengkritik hadis dalam kerangka filologi-historis Eropah, tetapi pendekatan mereka tidak sama dari segi keluasan, tumpuan, dan tahap radikal dalam menilai autoriti sunnah.

### **5.1 Asas Intelektual dan Kerangka Epistemologi**

Asas intelektual Goldziher banyak dibentuk oleh tradisi *Bible-criticism* dan filologi Jerman abad ke-19, yang menekankan pendekatan sejarah-kontekstual terhadap teks keagamaan. Latar belakang ini menyebabkan beliau menilai hadis dengan kerangka yang sama seperti teks rabbinik dan tradisi Yahudi sebagai produk sejarah yang mencerminkan dinamika sosial, politik dan teologi, bukan sebagai wahyu atau autoriti normatif. Justeru, penekanan beliau terarah kepada pembacaan budaya dan analisis konteks yang melahirkan riwayat-riwayat hadis (Abd Rahim, Mohd Noor, & Mohd Dahlal, 2011).

Berbeza dengan itu, Schacht datang daripada tradisi sejarah undang-undang (*legal history*), menjadikan fokus intelektualnya tertumpu pada struktur, evolusi dan pembentukan hukum Islam. Minat beliau bukan pada perkembangan sosial atau budaya hadis, tetapi pada logik pertumbuhan fiqh dan mekanisme legitimasi hukum (Abd Rahim et al., 2011). Oleh itu, pendekatannya lebih teknikal, sistematik dan berpaksikan analisis terhadap teks-teks perundangan awal.

Tuntasnya, asas epistemologi kedua-duanya dapat diringkaskan seperti berikut: Goldziher mendekati hadis melalui lensa budaya, sosial dan politik, manakala Schacht mendekatinya melalui kerangka hukum dan perkembangan fiqh. Perbezaan ini membentuk cara mereka memahami asal-usul hadis dan menentukan arah kritikan masing-masing.

### **5.2 Tumpuan Kajian dan Objek Kritikan**

Dari segi tumpuan kajian, Goldziher memberi perhatian utama kepada asal-usul hadis, perkembangan sosial-politik awal Islam, serta motif di sebalik pemalsuan riwayat. Baginya, hadis bukan rekod sejarah Nabi SAW tetapi refleksi ketegangan politik dan mazhab pada abad pertama dan kedua Hijrah. Justeru, beliau menjelaskan riwayat seperti hadis “Tidak bersungguh bermusafir kecuali ke tiga masjid” sebagai rekaan Ibn Shihāb al-Zuhri atas tekanan politik Dinasti Umayyah dalam konflik dengan Ibn al-Zubayr. Kritikan Goldziher berpusat pada matan dan konteks politik, dengan fokus terhadap bagaimana kuasa dan agenda sosial membentuk kemunculan hadis (Indri, Malihah & Shomad, 2025).

Schacht pula mengemukakan kritikan yang berbeza sifatnya. Beliau tidak menolak hadis kerana faktor politik, tetapi kerana struktur sanad dan kekosongan sumber sejarah dalam dokumentasi awal. Melalui teori *backward projection*, Schacht berhujah bahawa hadis hukum tidak berasal daripada Nabi SAW, tetapi merupakan legitimasi fiqh yang disusun kemudian dan dinisbahkan secara retrospektif kepada generasi terdahulu. Fokusnya bukan pada matan seperti Goldziher, tetapi pada sanad, yang menurutnya menunjukkan pertumbuhan terbalik dan pembentukan bertahap mengikut kepentingan fuqaha (Fauzi, 2023b).

Secara ringkas, Goldziher melihat pemalsuan berpunca daripada motif politik, manakala Schacht menuduh pemalsuan melalui evolusi fiqh dan reka bentuk sanad. Perbezaan ini mencerminkan asas epistemologi masing-masing serta membawa implikasi yang berbeza terhadap metodologi kritik hadis.

### **5.3 Kaedah dan Alat Analisis**

Dalam menganalisis keaslian hadis, Goldziher dan Schacht menggunakan pendekatan yang berbeza namun sama-sama meragui kesahihannya. Jadual 1 menunjukkan perkara tersebut.

Goldziher dan Schacht masing-masing mengemukakan metodologi tersendiri dalam menilai keaslian dan autoriti hadis, namun kedua-duanya berkongsi asas skeptikal terhadap sumber tradisional Islam. Goldziher menggunakan pendekatan sejarah-perbandingan yang menumpukan analisis terhadap matan hadis. Beliau menjelaskan hadis sebagai cerminan kepada realiti sosial, politik dan teologi yang berkembang dalam masyarakat Islam selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW. Dalam kerangka ini, beliau mengabaikan kaedah penilaian sanad yang telah dibangunkan secara sistematik oleh para muhaddithin, dan lebih cenderung untuk menilai hadis berdasarkan konteks sejarah dan motif ideologi (Vachruddin, 2024).

Sebaliknya, Schacht memberi fokus terhadap kajian sanad dengan memperkenalkan teori *argumentum e silentio*, iaitu andaian bahawa ketiadaan penyebutan sesuatu hadis dalam sumber awal menunjukkan bahawa hadis tersebut tidak wujud pada zaman tersebut. Beliau berpendapat bahawa sanad yang lengkap dan sempurna sebenarnya menandakan kemunculan hadis pada peringkat yang lebih lewat, bukan bukti keasliannya. Schacht lebih banyak merujuk kepada teks fiqh awal seperti *al-Umm* dan *al-Muwatta'* daripada kitab-kitab hadis utama, dan tidak mengambil kira bukti dokumentasi awal seperti manuskrip atau riwayat yang lebih tua (Fauzi, 2023b).

Jadual 1  
Kaedah Analisis dan Fokus Kajian Goldziher dan Schacht

Orientalis	Kaedah Analisis Teras	Fokus Kajian
Ignaz Goldziher	Pendekatan sejarah-perbandingan dan matan Beliau menilai teks ( <i>matan</i> ) hadis sebagai refleksi langsung kepada realiti sosial-politik dan konflik teologi yang timbul selepas kewafatan Nabi SAW. Kaedah ini secara eksplisit mengabaikan metodologi sanad tradisional.	Menghubungkan teks hadis dengan konteks sosial-politik di mana ia dihasilkan.
Joseph Schacht	Metodologi <i>Argumentum e Silentio</i> dan sanad Beliau berhujah berdasarkan <i>argumentum e silentio</i> (hujah ketiadaan), menyatakan bahawa ketiadaan hadis hukum dalam teks fiqah awal membuktikan hadis tersebut belum wujud. Beliau menganggap kesempurnaan sanad sebagai tanda rekaan lewat dan meneliti teks fiqah awal (seperti <i>al-Umm</i> dan <i>al-Muwatta'</i> ) lebih daripada kitab hadis.	Meneliti perkembangan sanad dan menolak autoriti sunnah sebagai sumber fiqah.

Tegasnya, metodologi Goldziher lebih berasaskan analisis kandungan dan pengaruh politik terhadap hadis, manakala Schacht menumpukan pada evolusi sanad dan proses legalistik dalam pembentukan hukum Islam. Kedua-duanya mengabaikan tradisi kritikal yang telah dibangunkan oleh ulama hadis, dan inilah yang menimbulkan keperluan kepada respons akademik yang lebih seimbang daripada sarjana Muslim kontemporari. (Abdul Rahim, Mohd Wazir, Solihan, & Rosman, 2017; Utomo, Setiawan & Kinanthi, 2023).

Goldziher menolak keaslian hadis secara umum, terutamanya yang berkaitan politik dan teologi, manakala Schacht secara khusus menolak hadis-hadis hukum. Kedua-duanya memberi sumbangan besar terhadap perdebatan orientalis berkenaan autentisiti hadis, namun pendekatan mereka telah dikritik oleh ramai sarjana Muslim dan Barat kontemporari kerana kelemahan metodologi dan andaian yang tidak berasas secara ilmiah. (Abdul Rahim et. al., 2017; Fauzi, 2023b)

### 5.4 Implikasi Akademik

Analisis perbandingan terhadap pemikiran Goldziher dan Schacht memberikan beberapa implikasi penting kepada perkembangan wacana akademik moden dalam kajian hadis.

- i. Pendekatan kedua-dua tokoh ini telah membentuk satu paradigma skeptikal yang menjadi asas kepada metodologi orientalis terhadap hadis. Kerangka pemikiran mereka bukan sahaja mempengaruhi generasi sarjana Barat selepas mereka, tetapi turut menjadi titik rujuk kepada kajian-kajian kontemporari yang menilai tradisi sunnah melalui lensa kritikal filologi-historis. Hal ini menjadikan kritik orientalis terhadap hadis bukan sekadar fenomena individu, tetapi satu arus metodologi yang berakar dalam tradisi akademik moden.
- ii. Pemikiran Goldziher dan Schacht turut mendorong perkembangan kajian hadis ke arah interdisiplin, di mana penyelidikan terhadap hadis kini melibatkan pelbagai bidang seperti filologi, sejarah undang-undang, antropologi teks, paleografi, serta kajian manuskrip awal Islam. Perkembangan ini memperluas dimensi penyelidikan, menjadikan hadis bukan lagi hanya subjek dalam disiplin pengajian Islam, tetapi turut dikaji sebagai sumber sejarah, budaya dan undang-undang dalam kerangka akademik global.
- iii. Kritikan mereka telah mencetuskan respons akademik balas yang lebih mantap dalam kalangan sarjana Muslim dan Barat kontemporari. Tokoh seperti A'zami, al-Sibā'i, Abbott dan Motzki tampil mengemukakan bukti manuskrip, kajian *isnad-cum-matn* dan rekonstruksi sejarah yang mematahkan banyak andaian Goldziher dan Schacht. Respons ini bukan sahaja menolak kelemahan metodologi orientalis, tetapi turut mengukuhkan kembali kedudukan ilmu hadis sebagai tradisi ilmu yang memiliki standard kritis sangat tinggi.
- iv. Analisis terhadap kedua-dua tokoh tersebut menonjolkan keperluan kepada penyelidikan empirikal dalam kajian hadis. Wacana akademik semakin cenderung meninggalkan inferens spekulatif berdasarkan ketiadaan bukti, dan sebaliknya menekankan penggunaan data empirikal seperti manuskrip awal, papirus, catatan sahifah generasi sahabat dan tabi'in, serta analisis jaringan sanad yang berlapis. Peralihan ini

memperlihatkan bahawa kajian hadis moden semakin dekat dengan disiplin ilmiah yang ketat, dan semakin jauh daripada andaian reduksionis yang tidak disokong oleh bukti.

### **5.5 Implikasi terhadap Kajian Hadis Kontemporari**

Perbandingan pemikiran Goldziher dan Schacht memberikan impak yang ketara terhadap pembentukan metodologi kajian hadis kontemporari. Pendekatan mereka telah memaksa sarjana Muslim dan Barat untuk menilai semula kaedah tradisional, sekali gus memperkukuh keperluan kepada metodologi berasaskan bukti empirikal, bukan sekadar inferens teoritis. Kritikan mereka terhadap sanad dan matan mendorong kemunculan pendekatan baharu seperti analisis *isnād-cum-matn*, stratifikasi sanad, pemeriksaan variasi teks (*textual variants*), dan kajian manuskrip awal yang kini menjadi antara standard kajian hadis moden. Pengaruh ini juga menghasilkan kesedaran metodologi bahawa penyelidikan hadis mesti melibatkan triangulasi antara data lisan, dokumen bertulis, dan rekonstruksi sejarah, bukan hanya bersandar kepada satu bentuk bukti sahaja (Rahim, Majid, Nor, & Dahlal, 2010).

Selain itu, pemikiran mereka membuka ruang kepada penilaian semula hubungan antara hadis dan konteks sejarah awal Islam. Ini menyebabkan kajian hadis kontemporari berkembang daripada pendekatan normatif kepada pendekatan kontekstual, yang menilai interaksi antara riwayat, budaya, kuasa politik, dan perkembangan sosio-intelektual masyarakat awal Islam (Zubaidi & Safitri, 2023). Dalam masa yang sama, kelemahan metodologi orientalis seperti generalisasi tanpa bukti menyeluruh atau bergantung kepada *argumentum e silentio*, menjadi peringatan penting bahawa kajian hadis perlu lebih berhati-hati dalam membuat inferens sejarah. Maka, wacana metodologi kini bergerak ke arah pendekatan integratif, iaitu gabungan disiplin tradisional ulum al-hadith dengan kaedah akademik moden seperti analisis filologi, kajian teks perbandingan dan analisis data sejarah.

### **5.6 Implikasi terhadap Autoriti Sunnah dalam Wacana Hukum Islam Moden**

Pemikiran Goldziher dan Schacht turut memberi kesan langsung terhadap perdebatan mengenai autoriti sunnah dalam wacana hukum Islam moden. Kritik mereka terhadap keaslian hadis mencetuskan cabaran teologi, terutama kerana sunnah merupakan sumber kedua perundangan Islam. Sekiranya sebahagian besar hadis dianggap rekaan politik atau produk post-fiqh seperti dakwaan kedua-dua tokoh tersebut, autoriti syariah secara keseluruhannya akan terjejas. Hal ini menimbulkan kegelisahan akademik dan praktikal, khususnya dalam era moden di mana wacana reformisme Islam, pemikiran liberal, dan gerakan anti-hadis sering memetik hujah orientalis untuk merelatifkan atau menolak kedudukan sunnah sebagai sumber hukum (Mauizah & Hidayat, 2024).

Namun, respons sarjana Muslim dan Barat kontemporari berjaya mengembalikan keyakinan terhadap kesahihan tradisi hadis dengan menunjukkan bahawa sunnah memiliki asas epistemologi yang kukuh, disokong oleh sistem pengesahan sanad dan matan yang tidak wujud dalam tradisi agama lain. Penemuan manuskrip awal, papirus, serta bukti penyebaran hadis secara meluas merentasi wilayah-wilayah Islam awal menunjukkan bahawa sunnah bukan rekaan pasca-Nubuwwah, tetapi tradisi yang ditransmisikan secara sistematik (Haris, 2014).

Implikasi praktikalnya, perdebatan ini memperkukuh kesedaran bahawa pengiktirafan autoriti sunnah dalam hukum Islam moden tidak boleh hanya bersandar kepada kepercayaan teologis, tetapi memerlukan hujah ilmiah dan sejarah yang mantap (Rahman, 2017). Justeru, pembaharuan hukum Islam hari ini perlu dibina berasaskan metodologi hadis yang sahih, bukan sekadar mengambil pendekatan selektif atau kritis tanpa asas. Perbincangan ini turut menegaskan bahawa mempertahankan sunnah bukanlah tindakan apologetik, tetapi usaha akademik yang berpijak pada bukti dan tradisi ilmiah sarjana hadis sejak awal Islam.

### **5.7. Respons Sarjana Kontemporari**

#### **5.7.1 Respons sarjana Muslim**

Respons sarjana Muslim kontemporari terhadap skeptisisme Goldziher dan Schacht berakar daripada tradisi ilmu hadis yang telah terbangun sejak abad pertama Hijrah. Mereka berhujah bahawa kerangka kritik orientalis sering gagal memahami epistemologi dalaman Islam, khususnya sistem verifikasi sanad yang bersifat disiplin dan berstruktur.

Al-Sibā'ī melalui karyanya, *al-Sunnah wa Makānatuhā fī al-Tashrī al-Islāmī* menolak dakwaan Goldziher bahawa hadis merupakan produk identiti politik. Beliau menegaskan bahawa generalisasi Goldziher mengabaikan realiti

sejarah kerana penilaian sanad telah pun berjalan secara konsisten sejak zaman sahabat. Sarjana awal seperti Ibn 'Abbas dan 'A'ishah diketahui menolak dan membetulkan riwayat yang bercanggah, membuktikan wujudnya mekanisme kritik dalaman sejak awal (Al-Sibā'i, 1976).

A'zami melalui *Studies in Early Hadith Literature* memberikan antara bukti paling kukuh menolak teori Schacht mengenai ketiadaan dokumentasi awal. Beliau mengemukakan contoh manuskrip yang dapat dikesan secara empirik, antaranya *Ṣaḥīfah Hammām ibn Munabbih* (sekitar 40–75H) yang direkodkan semula dalam *Muṣannaf 'Abd al-Razzāq*. A'zami turut menganalisis catatan hadis 'Urwah ibn al-Zubayr kepada 'Abd al-Malik (w. 94 H.), serta merujuk kepada *Ṣaḥīfah al-Ṣādiqah* milik 'Abdullah ibn 'Amr ibn al-ʿĀṣ yang dikatakan mengandungi hampir seribu hadis. Bukti dokumentari ini menafikan dakwaan Schacht bahawa penulisan hadis hanya berlaku selepas abad kedua (A'zami, 1978).

Idri (2017) pula mengemukakan pembacaan metodologis terhadap enam asas kritik Schacht dan membantah kesemuanya. Beliau menegaskan bahawa generasi sahabat telah membezakan antara perawi thiqah dan majhul, sekali gus menunjukkan bahawa sistem tapisan sanad bukan fenomena lewat atau yang munucl kemudian. Idri juga mengkritik penggunaan *argumentum e silentio* oleh Schacht, iaitu menyimpulkan ketiadaan hadis berdasarkan ketiadaan rekod sebagai bentuk inferens logik yang tidak sah dalam kajian sejarah.

Wael B. Hallaq menambah hujah bahawa pertumbuhan fiqh dan autoriti sunnah berkembang secara organik dalam masyarakat awal Islam. Dalam *The Origins and Evolution of Islamic Law*, Hallaq mempersoalkan reduksionisme Schacht yang mengabaikan stratifikasi sanad serta dinamika intelektual antara sahabat, tabi'in dan fuqaha generasi terawal (Hallaq, 2005). Beliau menunjukkan bahawa data sejarah tidak menyokong idea bahawa hukum Islam terbentuk melalui "pemalsuan sistematik".

Kajian manuskrip kontemporari oleh Asma Hilali dalam *The Sanaa Palimpsest* turut menunjukkan bahawa tradisi dokumentasi lisan dan tulisan berjalan serentak sejak awal Islam. Penemuan papyrus, nota kecil, dan fragmen mushaf awal membuktikan bahawa budaya literasi dan rekod ringkas sudah wujud sebelum pengkodifikasian besar-besaran (Hilali, 2017). Penemuan ini konsisten dengan kajian awal Abbott (1967) yang menunjukkan bukti tulisan hadis daripada abad pertama. Musthofiya (2023) menilai semula kedua-dua sumber ini dan merumuskan bahawa bukti filologi melemahkan kesimpulan skeptisisme orientalis.

Sarjana kontemporari seperti Ali (2019), Zidna, Nurus, & Mustofa (2020), Saefollah, Maghfur, & Sumbulah (2021) dan Siregar et al. (2025) pula menekankan bahawa teori *backward projection* Schacht mengabaikan budaya *oral-aural* masyarakat Arab awal. Dalam konteks masyarakat yang memiliki tradisi hafalan, pengulangan, dan pengawasan kolektif di masjid atau halaqah, *oral transmission* berfungsi sebagai mekanisme verifikasi yang ketat, malah kadang kala lebih dipercayai daripada tulisan dalam konteks sosial Arab abad pertama.

Secara keseluruhan, respons sarjana Muslim kontemporari bukan setakat menolak reduksionisme orientalis, tetapi juga mengemukakan alternatif metodologi yang lebih holistik, menggabungkan bukti manuskrip, tradisi hafalan, kritik sanad, analisis sosial-historis, serta kaedah empirikal. Hasilnya, gambaran orientalis tentang hadis sebagai rekaan lewat menjadi lemah apabila diuji terhadap data sebenar tradisi ilmiah Islam.

### 5.7.2 Respons sarjana Barat

Dalam kalangan sarjana Barat, respons terhadap kajian hadis selepas era Schacht menunjukkan pelbagai pendekatan yang lebih kompleks. Ini dapat dilihat antaranya seperti Motzki (1991) yang memperkenalkan pendekatan *isnād-cum-matn analysis*, iaitu gabungan analisis rangkaian perawi dengan isi kandungan hadis. Melalui kajiannya terhadap karya 'Abd al-Razzāq al-Ṣan'ānī dan Ibn Jurayj, Motzki membuktikan bahawa terdapat hadis yang boleh ditelusuri secara sahih hingga abad pertama Hijrah, sekali gus melemahkan dakwaan Schacht tentang pemalsuan menyeluruh.

Sadeghi (2009) pula menggunakan pendekatan filologi terhadap manuskrip awal untuk menunjukkan bahawa variasi teks hadis bukan bukti pemalsuan, tetapi cerminan kepada kepelbagaian proses transmisi. Penemuan ini menunjukkan bahawa jaringan periwayatan lebih organik, sistematik, dan teratur daripada yang digambarkan oleh skeptisisme orientalis. Manakala Brown (2009) mengemukakan pendekatan sintesis dalam menilai hadis. Beliau mengakui bahawa perkembangan hadis dipengaruhi oleh faktor sejarah dan sosial, namun menegaskan bahawa kaedah pengesahan yang digunakan oleh ulama hadis sangat kompleks dan tidak boleh dianggap sebagai rekaan semata-mata. Justeru, menurutnya, analisis terhadap hadis perlu menggabungkan pendekatan klasik ulama dengan kaedah kritik moden, dan bukan menolak mana-mana satu pendekatan secara mutlak. Selain itu, pandangan Schoeler, Vagelpohl, & Montgomery (2006) selari dengan Abbott (1967) dan Hilali (2017) dengan menunjukkan bahawa budaya menulis dan menghafal dalam masyarakat awal Islam berkembang secara selari. Penemuan ini mencabar pandangan sarjana Barat yang sering menganggap sejarah dokumentasi berkembang secara linear.

Secara keseluruhan, respons Barat kontemporer menandakan peralihan daripada skeptisisme mutlak (Goldziher-Schacht) kepada pendekatan yang lebih kritis, seimbang, dan terbuka kepada bukti baru. Hal ini membuka ruang dialog akademik antara sarjana Muslim dan Barat, walaupun masih terdapat perbezaan metodologi yang ketara.

## 6. KESIMPULAN

Dalam menilai sumbangan dan kelemahan metodologi orientalis, kajian ini menyimpulkan bahawa Goldziher dan Schacht telah membentuk wacana dominan dalam kajian hadis Barat moden, namun kedua-duanya gagal menangkap kompleksiti epistemologi Islam. Goldziher mentafsirkan hadis sebagai refleksi perkembangan sosial-politik umat Islam, manakala Schacht mengemukakan teori projeksi yang menuduh majoriti hadis sebagai rekayasa fiqhyyah yang dikembalikan ke masa lalu. Kedua-dua pendekatan ini bersifat reduksionis kerana mentafsir hadis hanya melalui kerangka sejarah dan kritikan teks Barat, sekali gus mengabaikan metodologi sanad yang telah dibangunkan secara sistematik oleh ulama silam dan menafikan dimensi spiritual serta normatif tradisi hadis.

Pertembungan antara metodologi Barat dan tradisi Islam memperlihatkan jurang epistemologi yang sukar dirapatkan. Goldziher terperangkap dalam kerangka filologi-historis yang cenderung relativistik, manakala Schacht membangunkan hujah yang kurang konsisten dengan bukti empirikal, khususnya dapatan manuskrip awal dan analisis sanad berlapis. Dipengaruhi positivisme abad ke-19 dan 20, kedua-duanya menanggapi hadis sebagai data sejarah semata-mata, bukan sebagai sumber normatif yang memiliki struktur verifikasi dalaman. Respons sarjana Muslim dan Barat kontemporer kemudiannya menunjukkan bahawa andaian orientalis tersebut bersifat apriori dan terdedah kepada bias metodologi yang ketara, sehingga menggugat kredibiliti kesimpulan mereka. Oleh itu, kritikan terhadap Goldziher dan Schacht bukanlah bersifat apologetik, tetapi merupakan usaha ilmiah untuk membangunkan kerangka metodologi yang lebih adil dan seimbang dalam menilai hadis. Kesimpulan penting kajian ini ialah hadis tidak boleh dinilai menggunakan alat epistemologi luar semata-mata tanpa memahami prinsip ketulenan hadis dalam Islam, terutama struktur sanad, transmisi berlapis, dan disiplin riwayat-dirayah. Cabaran kontemporer kini bukan sekadar membantah orientalis, tetapi mengembangkan kerangka analisis hadis yang mampu berdialog dengan dunia akademik global tanpa mengorbankan asas epistemologi Islam.

Implikasi akademik kajian ini menunjukkan bahawa metodologi kritik hadis masa kini perlu bergerak melampaui dikotomi "tradisi Islam vs orientalis Barat" dan menuju kepada model integratif yang menggabungkan kekuatan analisis sanad dan matan, bukti manuskrip awal, serta kajian sejarah sosial secara serentak. Pendekatan integratif ini berpotensi membentuk epistemologi hadis yang dapat berinteraksi dengan standard akademik antarabangsa tanpa menanggalkan asas autoritatif sunnah.

Bagi tujuan kajian lanjutan, kajian ini mencadangkan penyelidikan khusus tentang bagaimana wacana skeptikal orientalis mempengaruhi kurikulum pengajian Islam moden di universiti Barat dan universiti di dunia Muslim. Penelitian ini penting untuk menilai bagaimana naratif orientalis dibentuk, diterima, diserap atau ditolak dalam ruang akademik kontemporer.

## KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tiada sebarang kepentingan dalam bentuk kewangan atau peribadi yang mungkin mempengaruhi kandungan penulisan artikel ini.

## PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Malaya dan Universitas Ahmad Dahlan atas sokongan yang berharga sepanjang proses penyelidikan dijalankan.

## SUMBANGAN PENULIS

Artikel ini adalah hasil sumbangan saintifik yang signifikan dalam penyelidikan yang dilakukan oleh tiga pengarang. Nik Mohd Zaim Ab Rahim mengumpul dan menganalisis data. Monika @ Munirah Abd Razzak

melakukan semakan dan penyuntingan. Sementara Jannatul Husna Ali Nuar pula memastikan metodologi yang digunakan adalah sesuai dan mencapai objektif penulisan.

## RUJUKAN

- A'zami, M. M. (1990). *Manhaj al-Naqd 'ind al-muḥaddithīn*. Riyadh, KSA: Maktabah al-Kawthar.
- Abbott, N. (1937). The monasteries of the Fayyūm (Continued). *The American Journal of Semitic Languages and Literatures*, 53(2), 73-96. Dicapai daripada <https://www.journals.uchicago.edu/doi/abs/10.1086/370502?journalCode=amerjsemilanglit>.
- Abbott, N. (1967). *Studies in Arabic literary papyri II: Qur'anic commentary and tradition*. Chicago: University of Chicago Press.
- Abd Rahim, R. A., Mohd Noor, R., & Mohd Dahlal, N.H. (2011). Metodologi disiplin occidentalisme alternatif: Tumpuan khusus terhadap pandangan orientalis terhadap hukum Islam. *Jurnal Syariah*, 19(3), 213–248. Dicapai daripada <https://jummec.um.edu.my/index.php/JS/article/view/22632>.
- Abdul Rahim, Z. N., Mohd Wazir, N. S., Solihan, S. B., & Rosman, N. N. N. (2017). Kritikan Goldziher terhadap riwayat Abu Hurairah: Analisis terhadap hadith anjing tanaman. *Journal of Hadith Studies*, 2(2). <https://doi.org/10.33102/johs.v2i2.20>.
- Al-A'zami, M. M. (1978). *Studies in early hadith literature*. Indiana, USA: American Trust Publication Islami.
- Adhwa, L., Nirwan, A. I., Mufida, I., Lihawa, N. R., & Nanda, N. (2025). Studi orientalis atas hadis nabi: Konsep pemikiran Ignaz Goldziher terhadap hadis nabi. *Cerdika: Jurnal Ilmiah Indonesia*, 5(6), 1588–1597. <https://doi.org/10.59141/cerdika.v5i6.2642>.
- Ali, M. (2019). Telaah kritis atas teori projecting back Joseph Schacht terhadap otentisitas hadis. *AN-NIBRAAS*, 1(01), 27-40. Dicapai daripada <https://ejournal.staialakbarsurabaya.ac.id/index.php/files/article/view/15>.
- Al-Jundī, A. (t.th.). *Al-Sunnah al-nabawiyyah fi muwājah shubuhāt al-istishrāq*. Kaherah, Mesir: Dār al-Anṣār.
- Al-Khaṭīb, M. A. (1988). *al-Sunnah qabla al-tadwīn*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Sibā'ī, M. (1976). *Al-Sunnah wa Makānatuha fi al-Tashrī al-Islāmī*. Kaherah, Mesir: al-Maktab al-Islāmī.
- Al-Zankī, S. Q. (2006). Asbāb al-Ta'n fī al-Ḥadīth al-Nabawī fī al-'Asr al-Rāhin. Dlm. *Al-Juhūd al-mabzūlah fī khidmat al-sunnah al-nabawiyyah min bidāyah al-qarn al-rābi' ashar al-hijrī ilā al-yawm*. UAE: Markaz al-Buḥūth wa al-Dirāsāt.
- Azam, S. A., Azmi, A. S., & Yusoff, M. F. M. (2025). Analisis kritikal pemikiran Schacht terhadap autentisiti hadis. *Journal of Hadith Studies*, 10(1), 139-152. Dicapai daripada <https://journalofhadith.usim.edu.my/index.php/johs/article/view/363>.
- Brown, J. A. (2009). *Hadith: Muhammad's legacy in the medieval and modern world*. Oxford, London: Oneworld.
- Fauzi, M. I. (2023a). Bantahan terhadap teori-teori skeptisisme Joseph Schacht tentang hadis. *Holistic Al-Hadis*, 9(1), 1-19. Dicapai daripada <https://jurnal.uinbanten.ac.id/index.php/holistic/article/view/6692>.
- Fauzi, M. I. (2023b). Joseph Schacht dan teori-teori skeptisisme tentang hadis serta bantahan terhadapnya. *al-Afkar, Journal for Islamic Studies*, 6(1), 12-27. <https://doi.org/10.31943/afkarjournal.v6i1.384>.

- Goldziher, I. (1971). *Muslim studies*. (Trans.) C. R. Barber and S. M. Stern. London: George Allen & Unwin.
- Goldziher, I. (1981). *Introduction to Islamic theology and law*. Princeton, New Jersey: Princeton University Press.
- Hadi, S., Dedy, I., & Iwan, H. (2025). Membaca ulang orientalisme: Akar historis dan respons intelektual Muslim. *Journal of Islamic and Occidental Studies*, 3(1), 91-110. <https://doi.org/10.21111/jios.v3i1.61>.
- Hallaq, W. B. (2005). *The origins and evolution of Islamic law*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Haris, A. (2014) *Studi hadis kontemporer sebuah upaya pemetaan wilayah kajian hadis Nabi*. Project Report. Pusat Penelitian dan Penerbitan Lembaga Penelitian dan Pengabdian Kepada Masyarakat Institut Agama Islam Negeri Mataram, Mataram. Dicapai daripada <https://digilib.uin-suka.ac.id/id/eprint/58217/>.
- Hilali, A. (2017) *The sanaa palimpsest: The transmission of the Qur'an in the first centuries AH*. Oxford: Oxford University Press.
- Idri, M. (2017). *Hadis dan orientalis: Perspektif ulama hadis dan para orientalis tentang hadis nabi*. Depok, Jogjakarta: Kencana.
- Indri, I., Malihah, M. N., & Shomad, B. A. (2025). Studi al-Qur'an dalam lensa orientalis: Antara kritik dan kontribusi. *Al-Shamela: Journal of Quranic and Hadith Studies*, 3(2), 110-123. Dicapai daripada <https://jurnal.dokicti.org/index.php/ALSHAMELA/article/view/1041>.
- Isnaeni, A. (2012). Pemikiran Goldziher dan Azami tentang penulisan hadis. *Kalam: Jurnal Studi Agama dan Pemikiran Islam*, 6(2), 363-390. <https://doi.org/10.24042/klm.v6i2.411>.
- Krippendorff, K. (2013). *Content analysis: An introduction to its methodology*. Los Angeles, USA: SAGE.
- Lewis, B. (1981). Introduction. Dlm. I. Goldziher (Penyt.). *Introduction to Islamic theology and law*. Princeton, New Jersey: Princeton University Press.
- Mauizah, A. Z., & Hidayat, F. (2024). Kontroversi pemikiran Ignaz Goldziher dan implikasinya pada tren studi Islam abad 19-21 M. *FiTUA: Jurnal Studi Islam*, 5(1), 78-93. <https://doi.org/10.47625/fitua.v5i1>.
- McGrew, T. (2014). The argument from silence. *Acta Analytica*, 29(2), 215-228. Dicapai daripada <https://link.springer.com/article/10.1007/s12136-013-0205-5>.
- Misbahuddin, M. (2025). Otentisitas dan validitas hadis nabi: Dialektika antara tradisi Islam dan kritik orientalis. *ats Tsiqah: Journal of Hadith Studies and Hadith Science*, 1(1), 1-14. Dicapai daripada <https://www.journal.stai-nuruliman.ac.id/index.php/tsqh/article/view/129>.
- Motzki, H. (1991). The Musannaf of 'Abd al-Razzāq al-Šan'ānī as a Source of Authentic Aḥādīth of the First Century A.H. *Journal of Near Eastern Studies*, 50(1), 1-21. Dicapai daripada <https://www.journals.uchicago.edu/doi/abs/10.1086/373461?journalCode=jnes>.
- Musthofiya, H. (2023). Theory explosive isnad and isnad family Nabia Abbott in revealing the authenticity of the prophet hadith. *Innovative: Journal of Social Science Research*, 3(3), 377-387. Dicapai daripada <https://j-innovative.org/index.php/Innovative/article/view/2138>.
- Nuraqila, R. Z., Nuryanah, S., & Supenti, Y. (2025). Analisis kritis atas konsepsi orientalis barat terhadap hadis nabi SAW: Studi komparatif pemikiran Ignaz Goldziher dan Joseph Schacht. *Fikrul Islam: Jurnal Studi Keislaman*, 1(01), 87-96. Dicapai daripada <https://aksaranusantarafoundation.com/index.php/fikrulislam/article/view/1>.

- Rahim, R. A. A., Majid, M. K. A., Nor, R. M., & Dahlal, N. H. M. (2010). Impak genre orientalisme dalam tamadun Islam: Analisis terhadap perkembangan semasa. *SEJARAH: Journal of the Department of History*, 18(18), 157-178. <https://doi.org/10.22452/sejarah.voll8no18.9>.
- Rahman, F. (2017). Menimbang sejarah sebagai landasan kajian ilmiah: Sebuah wacana pemikiran dalam metode ilmiah. *EL-BANAT: Jurnal Pemikiran Dan Pendidikan Islam*, 7(1), 128-150. Dicapai daripada <https://journal.stai-pwbwi.ac.id/index.php/elbanat/article/view/338/306>.
- Sadeghi, B. (2009). The travelling tradition test: A method for dating traditions. *Der Islam*, 85(1), 203-242. <https://doi.org/10.1515/ISLAM.2010.004>.
- Saefollah, A., Maghfur, A., & Sumbulah, U. (2021). Teori dekonstruksi hadis Josep Schacht dan bantahan Musthafa Azami. *Analisis: Jurnal Studi Keislaman*, 21(2), 365-386. Dicapai daripada <https://ejournal.radenintan.ac.id/index.php/analisis/article/view/8003>.
- Schacht, J. (1950). *The origins of Muhammadan jurisprudence*. Oxford, London: Clarendon Press.
- Schacht, J. (1993). *An introduction to Islamic law*. Oxford, London: Clarendon Press.
- Schoeler, G., Vagelpohl, U., & Montgomery, J. E. (2006). *The oral and the written in early Islam*. London: Routledge.
- Shah, F. A. (2011). Pendekatan kontekstual dalam memahami hadith-hadith Rasulullah SAW. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporer*, 4, 101-120. Dicapai daripada <https://journal.uniswa.edu.my/jimk/index.php/jimk/article/view/26>.
- Shaffat, I., & Baru, R. (2019). Orientalists' perspectives on hadith. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(11), 1326-1339. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v9-i11/6677>.
- Siregar, M. N., Siregar, H. Y., & Hasan, M. (2025). Teori Joseph Schacht tentang hadiis. *Journal of Hadith and Prophetic Tradition*, 4(2), 30-41. Dicapai daripada <https://jurnal.uinsu.ac.id/index.php/Al-Thiqah/article/view/23091>.
- Tahir, R., Anggraeni, A. F., Thamrin, S., Yulianti, M. L., Lestari, W., Wahidah, A. N., ... & Patria, T. M. (2023). *Metodologi penelitian: Teori, masalah dan kebijakan*. Kota Jambi: PT. Sonpedia Publishing Indonesia.
- Utomo, B., Setiawan, A., & Kinanthi, A. (2023). Analisis hermeneutika Joseph Schacht: Implikasi terhadap studi hadis modern. *Prosiding Kajian Islam dan Integrasi Ilmu di Era Society (KIIIES) 5.0*, 2(1), 424-429. Dicapai daripada <https://jurnal.uindatokarama.ac.id/index.php/kiiies50/article/view/3325/1703>.
- Vachruddin, V. P. (2024). Analisis faktor koneksitas kritik hadis antara Ignaz Goldziher dan Joseph Schacht. *Multidisciplinary Indonesian Center Journal (MICJO)*, 1(1), 138-155. <https://doi.org/10.62567/micjo.v1i1.20>.
- Wathani, S. (2020). Melawan teori otentisitas hadits: Counter discourse Nabia Abbot terhadap teori Ignaz Goldziher. *Rausyan Fikr: Jurnal Ilmu Studi Ushuluddin dan Filsafat*, 15(2), 245-267. <https://doi.org/10.24239/rsy.v15i2.485>.
- Watt, W. M (1979). *Islam and the integration of society*. London: Routledge.
- Ya'qub, M. A. (1995). *Kritik hadits*. Jakarta: Pustaka Firdaus.
- Zidna, Z, Nurus, T. F., & Mustofa, A. Z. (2020). Teori Projecting Back dan Argumentum E-Silentio Joseph Schacht dalam Studi Kritik Hadis. *Al-Bukhari: Jurnal Ilmu Hadis*, 3(2), 171 -186. <https://doi.org/10.32505/al-bukhari.v3i2.1545>.

Zubaidi & Safitri, N. (2023). Hadis sebagai produk budaya dan tradisi Islam awal: Studi kritik atas pemikiran Ignaz Goldziher. *AL ISNAD: Journal of Indonesian Hadith Studies*, 4(01), 75–85. Dicapai daripada <https://jurnal.idaqu.ac.id/index.php/al-isnad/article/view/279>.

### Disclaimer

The views expressed in this article are those of the author. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* shall not be liable for any loss, damage or other liability caused by / arising from the use of the contents of this article.

